



PEMAKLUMAN BERITA PALSU

Berikut merupakan **PENAFIAN** tentang beberapa berita yang tular di media sosial:

1. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba **menafikan** dakwaan sesetengah pihak bahawa PKP tidak boleh dilaksanakan di Malaysia kerana COVID-19 tidak diwartakan sebagai penyakit berjangkit di bawah Jadual Pertama, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Beliau **menegaskan** bahawa COVID-19 merupakan pandemik baharu yang berlaku di seluruh dunia dan dikategorikan di bawah Perkara 30, Jadual Pertama, Akta 342 iaitu ‘apa-apa jangkitan mikrobial yang mengancam nyawa’.
2. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) **menafikan** pernah mengeluarkan kenyataan menyeru rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas untuk mendaftar sebagai pengundi. SPR **menjelaskan** bahawa pendaftaran pengundi akan dilaksanakan serentak dengan pendaftaran pemilih secara automatik setelah segala persiapan SPR diselesaikan termasuk penyediaan pindaan kepada Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002, dan undang-undang lain yang berkaitan, penyediaan SOP serta penyediaan sistem yang dijangka selesai selewat-lewatnya pada bulan Julai 2020. SPR **menyarankan** orang ramai agar merujuk laman web rasmi terlebih dahulu melalui www.spr.gov.my atau facebook rasmi SPR atau menghubungi talian 03-88927200 untuk mendapatkan maklumat sahih.

Pasukan Respons Pantas
KKMM
10 Jun 2020 | 12.00 Tengah hari

